

27 MAR 1996

Abdullah - Croatia

CROATIA JAMIN SOKONGAN PENUH TERHADAP PERSEKUTUAN BOSNIA-CROAT

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Croatia memberi jaminan ia akan memberi sokongan penuh terhadap penubuhan Persekutuan Bosnia-Croat ke arah menjayakan Perjanjian Dayton yang menjanjikan keamanan di Bosnia Herzegovina.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata jaminan itu diberikan rakan sejawatannya dari Croatia, Encik Mate Granic pada pertemuan mereka di sini hari ini.

"Granic menyatakan kepada saya bahawa kerajaan Croatia memang menganggap kejayaan persekutuan itu penting bagi menjamin kewujudan Bosnia Herzegovina seperti yang termaktub di bawah Perjanjian Dayton," katanya kepada pemberita ketika memberikan butiran mengenai pertemuan itu.

Abdullah menganggap pengakuan Granic, yang juga Timbalan Perdana Menteri Croatia, "amat penting" ke arah mewujudkan Bosnia Herzegovina sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka.

"Saya memberitahu Granic bahawa kita juga mempunyai pendapat yang sama dan adalah menjadi harapan besar kita supaya kerajaan Croatia menyokong persekutuan itu," katanya.

Menteri Luar juga diberi jaminan bahawa kerajaan Croatia akan berusaha untuk memujuk rakyat Croat untuk menerima persekutuan berkenaan.

Perjanjian yang dimeterai presiden Serbia, Bosnia dan Croatia di Dayton, Ohio akhir tahun lepas itu antara lain memungkinkan penubuhan dua wilayah, iaitu satu untuk Bosnia dan Croatia dan satu lagi untuk Serbia.

Beliau juga memaklumkan Granic mengenai lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Croatia bulan depan.

Abdullah berkata: "Malaysia menganggap lawatan itu sebagai penting terutama jika ditinjau daripada segi perkembangan mutakhir yang terdapat di kawasan itu berkaitan dengan pengwujudan wilayah-wilayah baru bagi Bosnia Herzegovina.

"Lawatan itu bukan saja untuk meningkatkan kerjasama dua hala tetapi ia juga ke arah mewujudkan satu muafakat dan kerjasama antara Malaysia dan Croatia bagi pembangunan semula Bosnia Herzegovina."

Katanya Dr Mahathir akan berpeluang menyaksikan sendiri perkembangan di Bosnia Herzegovina serta mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin di sana berhubung pembangunan semula negara bekas Yugoslavia itu.

Abdullah juga berkata Malaysia dan Croatia pada dasarnya bersetuju menubuhkan sebuah badan korporat yang bakal dianggotai syarikat-syarikat dari negara ini, Croatia dan Bosnia untuk membangunkan semula Bosnia Herzegovina.

Katanya cadangan Malaysia itu dipersetujui Croatia dan perkara itu mungkin dibincangkan semasa lawatan Dr Mahathir ke Croatia nanti.

Beliau berkata Granic juga menyatakan hasrat negaranya untuk menimba pengalaman Malaysia untuk menarik pelaburan asing ke Croatia.

Granic juga mencadangkan agar Malaysia melibatkan diri dalam bidang pembangunan pelabuhan dan pembinaan gudang-gudang penyimpanan di Croatia.

Menteri Luar Croatia dan delegasinya itu tiba di sini semalam untuk lawatan tiga hari ke Malaysia. -- BERNAMA

MAM CR